

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (51)

7 November 2025
16 Jamadilawal 1447

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 49/2025

PENETAPAN PUSAT KOS CAJ PERKHIDMATAN PERMOHONAN PINDAAN TARIKH MULA SAH LAKU PERAKUAN AKREDITASI PENUH YANG DIKENAKAN OLEH AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

Dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 21 Julai 2025 melalui surat makluman MQA Bil.12/2025 (MQAD.100-1/3/2 (5) telah menggariskan panduan kepada Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) berstatus swaakreditasi untuk mengemukakan permohonan pindaan tarikh mula sah laku perakuan akreditasi penuh ke MQA dengan caj perkhidmatan seperti berikut:

Bilangan Hari*	Penetapan Bilangan Tahun	Kadar Caj Berdasarkan Tahap Kerangka Kelayakan Malaysia (RM)	
		Tahap Asas, 3,4 dan 5	Tahap 6,7 dan 8
1-365	1 Tahun	1,400.00	2,000.00
366 - 730	2 Tahun	2,800.00	4,000.00
731 – 1095	3 Tahun	4,200.00	6,000.00
1096 – 1460	4 Tahun	5,600.00	8,000.00
Tambahan caj adalah mengikut tahun-tahun seterusnya berdasarkan bilangan hari			

**Pengiraan bilangan hari adalah bagi tahun lazim. Sekiranya melibatkan tahun lompat, bilangan hari perlu ditambah satu hari.*

2. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan UTM Bil.17/2025 pada 9 Oktober 2025 telah bersetuju meluluskan penetapan pusat kos caj perkhidmatan permohonan pindaan tarikh mula sah laku perakuan Akreditasi Penuh yang dikenakan oleh MQA kepada **pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau Fakulti yang memohon pindaan tersebut.**

3. Semua permohonan hendaklah dikemukakan melalui Pusat Akreditasi UTM (UTM ACe) dengan mematuhi segala proses yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, semua permohonan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan pihak MQA dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM (Cawangan Kuala Lumpur)
 - Ketua Kampus UTM (Cawangan Pagoh)
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah